

Perhebat dialog antara budaya

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan seluruh dunia, terutama kuasa besar, menyokong usaha mengadakan dialog antara budaya dan tamadun bagi merapatkan jurang persefahaman di antara Barat dan Islam yang kini masih luas.

Perdana Menteri berkata, perselisihan antara penganut Kristian di Barat dengan dunia Islam boleh meningkatkan hingga mengancam keamanan sejagat sekiranya dialog seumpama itu tidak diadakan.

Beliau menegaskan dialog itu menjadi prasyarat penting bagi mencapai impian manusia sejagat untuk menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

“Sokongan kerajaan amat penting bagi menjayakan dialog ini kerana punca perbalahan antara budaya dan tamadun bukannya keagamaan, tetapi berbentuk politik dan strategik,” katanya ketika berucap di depan lebih 300 pelajar dan pensyarah Universiti Meiji, di sini, semalam.

Terdahulu, Abdullah yang dalam lawatan kerja lima hari ke Jepun, dianugerahkan Doktor Kehormat berdasarkan sumbangan besar beliau dalam menjalin hubungan akrab Malaysia-Jepun serta peranan dimainkan dalam menangani isu antarabangsa. Anugerah itu disampaikan Presiden Universiti Meiji, Hiromi Naya. Universiti ditubuhkan sejak 126 tahun lalu itu, antara universiti terbaik di negara ini.

Abdullah turut menyaksikan majlis menandata-

BH- 23/5/2007
ngani perjanjian kerjasama antara universiti itu dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi program pertukaran pelajar. Perjanjian itu ditandatangani Naib Canselor UTM, Datuk Prof Dr Mohd Zulkifli Ghazali, manakala Universiti Meiji diwakili Naya.

Perdana Menteri berkata, usaha mengadakan dialog itu bukan hanya terletak pada dunia Barat dan Islam, malah boleh dimainkan pihak lain kerana kesan ancaman akibat pertelingkahan itu bukan saja dirasai negara Islam, tetapi akan turut merebak ke seluruh dunia.

“Sebab itu saya bercakap mengenai isu berkenaan di sini dengan Jepun secara tradisionalnya bukan sebahagian daripada dunia Barat mahu pun Islam, tetapi saya berpendapat setiap orang atau negara mempunyai peranan membendung perpecahan daripada terus berlaku sehingga mengancam kestabilan global,” katanya.

Beliau berkata, sebaik-baiknya dialog antara budaya dan tamadun perlu membabitkan semua peringkat masyarakat antarabangsa, seperti cendekiawan, penulis, aktivis, wartawan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Abdullah menegaskan tidak adil untuk sesiapa juga menyalahkan agama sebagai punca konflik antara manusia dan kebudayaan sekarang.

“Semua agama menuntut keamanan dan keharmonian sesama manusia, selain mengutamakan sikap toleransi antara sesama manusia. Oleh itu, pengajaran agama tidak sepatutnya digunakan untuk merendah-rendahkan agama lain,” katanya.